KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR

## 11 JULAI 2020 (SABTU)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

## 11 JULAI 2020 (SABTU)

Sinar harian
suara cakna komuniti anda

HARI : SABTU
TARIKH : 11/7/2020
M/SURAT : 20

# Harga RON95, RON97 dan diesel naik




**KUALA LUMPUR** - Harga runcit petrol RON95 dan RON97 naik tujuh sen seliter, masing-masing kepada RM1.72 dan RM2.02 seliter, manakala diesel turut naik sebanyak tiga sen kepada RM1.87 seliter berkuat kuasa tengah malam tadi sehingga 17 Julai ini.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan semalam berkata, kenaikan itu dipengaruhi oleh perubahan harga minyak yang diproses, selari dengan trend harga minyak mentah dunia ketika ini.

"Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia dan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan serta kesejahteraan rakyat terus terpelihara," menurut kenyataan tersebut.